

**SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED LABU MANIS.****Standard FAMA : FS025 – 2001****1. SKOP.**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk buah Labu Manis (*Cucurbita moschata*) bagi variety yang berbentuk bulat dan berlekuk-lekuk bujur. Kulit berwarna hijau kekuningan atau oren mengikut jenisnya dan berbiji. Di Malaysia ia dikenali dengan nama Labu Manis atau Labu Manis Madu.

**2. DEFINASI TERMA**

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:-

2.1 *Kematangan* - Terdiri daripada enam (6) indeks seperti berikut:

- 2.1.1 Indeks 1 – Belum matang. 90% permukaan kulit berwarna hijau. Bahagian isi berwarna kuning pucat, empulur masih padat, kurang berongga dan biji masih lembut.
- 2.1.2 Indeks 2 – Matang. 75% permukaan kulit berwarna hijau. Bahagian isi berwarna kuning pekat, ruang rongga semakin luas dan biji sudah keras.
- 2.1.3 Indeks 3 - 60% permukaan kulit berwarna kuning. Bahagian isi berwarna kuning keemasan, empulur mengecut dan rongga semakin luas, garisan antara isi dengan kulit makin jelas dan biji keras.
- 2.1.4 Indeks 4 - Permukaan luar kulit berkilat, berwarna kuning dengan sedikit hijau. Bahagian isi berwarna kuning terang keemasan, empulur semakin bersabut, rongga luas, biji menjadi keras dan kandungan air berkurangan.
- 2.1.5 Indeks 5 – Permukaan kulit semakin berkilat, berwarna kuning keemasan dan bintik-bintik semakin hilang. Bahagian isi berwarna kuning keemasan pekat, rongga luas, biji keras dan kandungan air kurang.
- 2.1.6 Indeks 6 - Terlalu matang. Permukaan kulit berkilat, berwarna coklat terang dan hampir tiada bintik. Bahagian isi berwarna kuning keemasan pekat, ruang biji dan empulur berongga luas, biji mudah tertanggal dari sabut dan kandungan air amat kurang.

2.2 *Segar* - Permukaan kulit yang licin, cerah, berkilat dan tidak layu.

2.3 *Kotor* - Labu Manis yang terdapat kesan-kesan bendasing yang tidak dibersihkan seperti tanah, berpasir dan bahan-bahan asing yang lain.

- 2.4 *Kecacatan* – Labu Manis yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor, cacat dan cacat rupa.
- 2.5 *Cacat* -Labu Manis berkenaan mempunyai bentuk yang tidak normal berdasarkan varietinya seperti tanda-tanda menggerutu, terbantut, bentuk tidak sekata (kerekot) dan tidak menyerupai Labu Manis yang sempurna.
- 2.6 *Cacat Rupa*.- Terdapat kesan nyahwarna, kulit luar menggelupas, calar, kesan parut, dan berbintik-bintik hitam yang sukar dibersihkan. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit.
- 2.7 *Rosak* - Mempunyai tanda-tanda jelas seperti berpenyakit, kesan luka yang mengakibatkan kerosakan pada isi serta kesan gigitan serangga perosak dan lain-lain yang akan menjejaskan jangkahayatnya, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti seperti:-
  - 2.7.1 Labu Manis berkenaan berlubang akibat dikorek serangga/musuh tanaman.
  - 2.7.2 Terdapat tanda-tanda serangan oleh penyakit buah terutamanya penyakit reput pada isi.
  - 2.7.3 Kecederaan sewaktu pengendalian seperti permukaan kulit menjadi lembek serta lebam kesan himpitan yang kuat serta keretakan pada kulit dan menjejaskan isi dalam.
  - 2.7.4 Labu Manis yang dituai pada peringkat belum matang (muda) menyebabkan jangka hayat waktu menyimpan tidak dapat bertahan lebih lama. Isi cepat menjadi busuk dan kelihatan kecut pada permukaan kulit.

### 3. **KEPERLUAN MINIMUM**

- 3.1. Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, penyakit dan kotoran dan sesuai dimakan oleh manusia.
- 3.2. Telah mencapai peringkat matang. (Index 3 – Index 6) sepertimana yang dikehendaki oleh pasaran.

### 4. **PENKELASAN GRED DAN SAIZ**

- 4.1 Labu Manis dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
<b>Premium</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 5\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 5\%$
<b>1</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 5\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$
<b>2</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 10\%$ Segar $\leq 10\%$ Rosak $\leq 10\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$

4.2. Bagi Labu Manis, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) sepertimana jadual berikut:-

Saiz	Kod	Berat (g)
Besar	L	> 1,000
Sedang	M	500 – 1,000
Kecil	S	< 500

## 5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

### 5.1 Pembungkusan

5.1.1. Labu Manis yang dikehendaki oleh pasaran daripada gred yang sama hendaklah diisikan ke dalam bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.2. Penggunaan bekas seperti jaring (mash bag) untuk mengisi Labu Manis amat sesuai supaya dapat ditembusi oleh udara dan mengelak daripada pemelwapan.

5.1.3. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

## 5.2 Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel dan mengandungi maklumat berikut:-

5.2.1. Tarikh

5.2.2 Nama/Kod Penanam

5.2.3. No. Kod Pengenalan

5.2.4. No. Pendaftaran Syarikat

5.2.5 Alamat

5.2.6. Komoditi

5.2.7. Berat bersih

5.2.8. Gred

## 6. **PERSAMPELAN**

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of Sampling Fresh vegetables , atau kaedah statistik yang dipersetujui.